

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Sarang burung tempua yang bergayutan di ranting pohon itu menarik perhatian kami.
2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian cikgu hadir ke majlis perkahwinan kakak saya pada minggu lalu.
3. Sejak kempen kitar semula pihak berkuasa tempatan lancarkan, tahap kebersihan di kawasan kediaman itu kian meningkat.
4. “Wahai belia harapan negara, taburlah jasa pada agama, nusa dan bangsa,” kata Menteri Besar semasa berucap dalam perhimpunan belia, kelmarin
5. Pihak berkuasa telah berjaya menyelesaikan beberapa kes-kes pecah rumah dan samun di kawasan perumahan itu.
6. Anggota masyarakat Kampung Damai menunjukkan kerjasama yang erat dalam kempen menghapuskan denggi anjuran Jabatan Kesihatan.
7. Kejohanan merentas desa sekolah kami pada tahun ini telah Tuan Pegawai Pendidikan Daerah rasmikan.
8. Rakyat Malaysia sungguh bertuah kerana dapat menikmati berbagai jenis juadah pada musim perayaan